



## "ISTIQAMAH MELAKSANAKAN PERINTAH ALLAH".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: فَاسْتَقِمْ كَمَا أَمَرْتَ وَمَنْ تَابَ مَعَكَ وَلَا تَطْغَوْا إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ<sup>1</sup></p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ</p>	3
<p>. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	4
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Saya berpesan kepada diri saya dan hadirin sekalian marilah kita tingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan tetap teguh melaksanakan segala perintah-Nya, dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita termasuk dalam golongan orang-orang yang bertakwa. Sesungguhnya berjayalah orang-orang yang bertakwa dengan mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.</p>	5
<p>Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk "<b>ISTIQAMAH MELAKSANAKAN PERINTAH ALLAH</b>".</p> <p><b>Muslimin yang berbahagia</b></p>	6
<p>Sebagai hamba Allah SWT, kita diperintahkan supaya beriman dan beribadah kepada-Nya. Perintah Allah SWT hendaklah kita laksanakan secara istiqamah (berterusan) sebagaimana firman-Nya di awal khutbah ini dalam Surah Hud ayat 112 yang bermaksud:</p> <p><i>"Oleh itu, hendaklah engkau (wahai Muhammad) sentiasa tetap teguh di atas jalan yang betul sebagaimana yang diperintahkan kepadamu, dan hendaklah orang-orang yang rujuk kembali kepada kebenaran mengikutmu berbuat demikian, dan janganlah kamu melampaui batas hukum-hukum Allah. Sesungguhnya Allah Maha melihat akan apa yang kamu kerjakan."</i></p>	7

<sup>1</sup> Hud : 112.



<p>Hadis daripada Sufian bin Abdullah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">قُلْ: آمَنْتُ بِاللَّهِ، ثُمَّ اسْتَقِمَّ</p> <p style="text-align: center;"><i>"Katakanlah: Aku beriman kepada Allah, kemudian istiqamahlah."</i> <i>(Riwayat Muslim).</i></p>	8
<p><b>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</b></p> <p>Antara perintah Allah SWT yang dituntut untuk kita <i>istiqamah</i> melaksanakannya adalah:</p> <p>Pertama: Mendirikan solat dalam waktu yang telah ditetapkan kerana solat merupakan suatu kefardhuan yang mesti dilaksanakan bagi orang-orang yang beriman pada waktu-waktu yang telah ditetapkan.</p>	9
<p style="text-align: center;">إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا</p> <p style="text-align: center;"><i>"Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya."</i></p>	10
<p>Bagi mereka yang meninggalkan dan melalaikan solat, Allah SWT telah memberi amaran akan membalasnya dengan azab yang pedih seperti mana firman-Nya dalam surah Maryam ayat 59:</p> <p style="text-align: center;">خَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهْوَاتِ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ غِيًّا</p>	11
<p><i>"Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka)".</i></p>	12



<p>Rasulullah SAW juga mengingatkan umat Baginda agar tidak meninggalkan solat seperti mana hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bin 'Abdullah Radhiallahu 'Anhu, Baginda bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنَ الشِّرْكِ وَالْكُفْرِ تَرْكُ الصَّلَاةِ</b></p> <p><i>"Beza antara seseorang (yang beriman) dengan yang syirik dan kufur adalah meninggalkan solat".</i> <i>(Riwayat Muslim)</i></p>	13
<p>Ini menunjukkan betapa pentingnya menjaga dan memelihara solat. Kerana itulah Saidina Umar Radhiallahu Anhu sentiasa menitikberatkan kewajipan solat terhadap pegawai-pegawai dibawah tanggungjawabnya.</p>	14
<p>Kedua: Menuntut ilmu. Menuntut ilmu adalah menjadi suatu kewajipan atas setiap umat Islam secara berguru dengan guru-guru yang diperakui dan diiktiraf keilmuannya, bukan hanya mencari ilmu tanpa berguru. Bahkan kita dituntut untuk menuntut ilmu agar sentiasa berada di atas landasan yang benar dan dapat pula membimbing umat Islam lain bersama-sama. Kepentingan menuntut ilmu dan mengajar kepada orang lain</p>	15
<p>dirakamkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya dalam Surah al-Taubah ayat 122:</p> <p style="text-align: center;"><b>وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَنْفِرُوا كَافَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ</b></p>	16
<p><i>"Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaum mereka (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)".</i></p>	17



<p>Bagi mereka yang berusaha untuk menuntut ilmu, ada kelebihan yang diberikan Allah SWT. Rasulullah SAW mengingatkan kita melalui sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu 'Anhu bahawa baginda Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>وَمَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَلْتَمِسُ فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ بِهِ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ</b></p> <p style="text-align: center;"><i>"Dan sesiapa yang menempuh jalan untuk menuntut ilmu, Allah akan memudahkan baginya jalan ke syurga".</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	18
<p>Kelebihan juga diberikan kepada mereka yang menuntut ilmu-ilmu al-Quran dan mengajarkannya pula kepada orang lain. sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada 'Uthman Radhiallahu 'Anhu, Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;"><b>خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ</b></p> <p style="text-align: center;"><i>"Sebaik-baik kamu sesiapa yang belajar al-Quran dan mengajarkannya pula."</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari)</i></p>	19
<p>Menuntut ilmu tiada pengakhirannya. Selagi nyawa dikandung badan, selagi itulah perjalanan untuk menuntut ilmu perlu diteruskan. Marilah kita mengambil iktibar tentang kisah ini. Seorang cendekiawan Islam yang terkenal iaitu Abu Rayhan al-Biruni ketika sedang sakit tenat masih lagi meminta jawapan bagi persoalan fiqh daripada sahabat yang menziarahinya. Dalam nada yang sedih sahabatnya bertanya: "Adakah ini masa yang sesuai untuk bertanya soalan tersebut?" Jawab al-Biruni dengan tegas: "Aku tidak mahu meninggalkan dunia ini dalam keadaan tidak mempunyai ilmu bagi persoalan tersebut".</p> <p><b>Hadirin yang berbahagia,</b></p>	20
<p>Peluang untuk kita terus istiqamah menuntut ilmu terbuka luas dengan pelbagai program yang dianjurkan oleh pelbagai pihak. Antaranya pihak masjid dan surau yang sarat menganjurkan aktiviti-aktiviti keilmuan setiap hari. Selain daripada itu, kita turut digalakkan untuk menambah ilmu dengan membaca seperti mana perintah Allah SWT dalam surah al-'Alaq ayat yang pertama. Justeru, jadikanlah aktiviti membaca dan menghadiri program-program keilmuan terutamanya yang dianjurkan oleh pihak masjid sebagai aktiviti harian kita.</p> <p><b>Hadirin yang dirahmati Allah,</b></p>	21



Ketiga: Menutup aurat. Allah SWT memerintahkan hamba-hamba-Nya yang beriman untuk menutup aurat bagi menjaga kehormatan diri terutamanya wanita.	22
Perintah untuk menutup aurat dan batas-batasnya bagi seorang wanita dapat dilihat melalui firman Allah SWT dalam surah an-Nur ayat 31: <p>وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَتَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلْيَضْرِبْنَ خُمُرَهُنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ</p>	23
<p><i>"Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka, dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya, dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka..."</i></p>	24
Ibn 'Abbas Radhiallahu Anhuma dan 'Aisyah Radhiallahu 'Anhuma menjelaskan maksud zahir dalam ayat di atas ialah muka dan kedua-dua tapak tangan. Batas aurat wanita dijelaskan lagi oleh Imam as-Syafie di dalam kitab beliau <i>al-Umm</i> iaitu meliputi seluruh tubuh melainkan muka dan kedua tapak tangan. Dengan penjelasan yang serba ringkas ini, maka dapatlah kita fahami batas-batas aurat bagi seorang wanita.	25
Kini, sudah ramai wanita Islam yang melakukan penghijrahan dalam melaksanakan perintah Allah SWT. Ada yang sebelumnya tidak mahu menutup aurat tetapi telah berubah untuk menutup aurat secara sempurna dan lengkap bertudung. Keadaan ini adalah sesuatu yang boleh dibanggakan.	26
Namun, terdapat pula segelintir wanita Islam yang menjadikan isu menutup aurat sebagai suatu mainan. Terdapat dalam kalangan mereka yang pada mulanya bertudung tetapi kemudiamenanggalkannya kerana hendak mengikut 'trend' semasa. Situasi ini seolah-olah mempermainkan perintah Allah SWT. Inilah yang terjadi apabila nafsu menjadi ikutan dalam kehidupan.	27



<p>Begitu juga dengan golongan lelaki yang tidak akan terlepas dan terkecuali daripada dikenakan juga hukum kewajipan menutup aurat. Oleh itu marilah sama-sama kita berazam dan beristiqamah melaksanakan perintah Allah dan meninggalkan segala larangannya pada bila-bila masa dan dimana sahaja kita berada.</p>	
<p>Firman Allah SWT dalam surah al-Tahrim ayat 6:</p> <p>يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنفُسِكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾</p>	
<p><i>“Wahai orang-orang yang beriman! peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.”</i></p> <p><b>Hadirin Jumaat yang berbahagia,</b></p> <p>Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin mengingatkan kita semua agar dapat mengambil pengajaran terhadap perkara-perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Umat Islam hendaklah beriman kepada Allah dan rasul-Nya serta melaksanakan segala perintah-Nya yang disampaikan melalui perantaraan Rasul.</li><li>2. Umat Islam hendaklah terus istiqamah melaksanakan segala perintah Allah SWT kerana ia termasuk sebahagian daripada amalan akhlak-akhlak Islam.</li></ol>	
<ol style="list-style-type: none"><li>3. Umat Islam hendaklah menjaga diri dan semua orang di bawah tanggungjawabnya agar tidak terpengaruh dengan gaya hidup yang bertentangan dengan ajaran Islam.</li><li>4. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa segala amalan yang dilakukan akan diperlihatkan untuk diberi balasan oleh Allah SWT di akhirat kelak.</li></ol>	



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾</p>	
<p><i>"Maka sesiapa berbuat kebajikan walau seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)! Dan sesiapa berbuat kejahatan walau seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!"</i> <i>(al-Zalzalah : 7-8).</i></p>	
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	28
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	29



## KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
2	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
3	<b>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</b>  Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan bersungguh-sungguh melakukan amal soleh serta berakhlak dengan akhlak Rasulullah SAW. Seterusnya marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ اعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمَّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.
7	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَانِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَ حَفِظَ بَعِينَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحَفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ،
8	سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تغكو أمير شاه إنبالسُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج





<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p>	9
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	10
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran-ajaran yang difatwakan sesat seperti Syiah. Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat dan lindungilah kami daripada bala bencana.</p>	11
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.</p>	12
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15